

PROGRAM ASPIRASI KEJURUTERAAN

Norazian Mohamed Noor (Pensyarah)

Program Aspirasi Kejuruteraan adalah satu program anjuran PPKAS yang bertujuan mempromosikan PPKAS dan UniMAP secara amnya. Sasaran utama program ini adalah pelajar-pelajar tingkatan enam sekolah-sekolah di sekitar Perlis. Pada 24 Julai 2008, telah berlangsung Program Aspirasi Kejuruteraan yang pertama di Kompleks Pengajian Jejawi 3. Ia telah disertai oleh seramai 30 orang pelajar tingkatan enam aliran sains Sekolah Menengah Perlis.

Tepat jam 2.15 petang, upacara pembukaan telah dimulakan dengan ucapan aluan Dekan PPKAS, Dr. Khairul Nizar Ismail. Setelah itu, Cik Mahyun Ab Wahab selaku Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni telah mengambil alih dengan menyampaikan ceramah berkenaan program kejuruteraan di UniMAP. Kemuncak acara ini adalah sesi forum yang dikendalikan sendiri oleh para pelajar PPKAS. Forum ini bertujuan memberi pendedahan tentang cara pembelajaran, fasiliti dan infrastruktur yang terdapat di UniMAP. Ia dikendalikan oleh Siti Nurfadilah Arshad selaku moderator, D. Fatimah Zahra mewakili Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Kasthuri selaku wakil pelajar lepasan STPM. Program ini berakhir pada jam 6.00 petang selepas jamuan petang.